ZERO-INTEREST INSTALMENT PLAN

1) This programme valid for PB Credit cards issued by Public Bank.

2) The Cardmember shall be bound by Public Bank's Terms and Conditions governing the use and operation of the **Credit** Card Account in addition to the terms and conditions herein.

3) The Merchant appointed by Public Bank Berhad (Bank) as the Principal Merchant(s) are responsible in making available all the ZIIP items featured in any programme and be responsible for the sale and delivery (where appropriate) of the respective item(s).

4) The Bank shall effect the necessary periodic payments by charging the Cardmember's **credit** card for all payments pursuant to this promotion to the respective Principal Merchant(s). The Bank disclaims any liability or duty relating to the item(s). The item(s) is/are sold and supplied to the Cardmember's by the Principal Merchant(s) who are solely responsible for all obligations and liabilities relating to the supply, sale, merchantability, warranty and all ancillary services in respect of the item(s).

5) The details and particulars provided by the Cardmember in the ZIIP shall be deemed final and irrevocable.

6) The ZIIP is subject to stock availability, sufficient **Credit Line** in the Card Account of the Principal Cardmember and acceptance of the ZIIP by the Bank and the Principal Merchant(s).

7) The minimum transaction value for ZIIP is RM500.

8) Upon acceptance of the ZIIP, the Bank shall debit the available **Credit Line** for **Credit Card** for the purchase price of the item(s) which shall be charged to the Card Account of the Principal Cardmember. The transaction details will appear on the Cardmember's credit card monthly statement of account.

9) Cardmembers will pay for all the ZIIP items in 3, 6, 9, 12, 18, 24, 30 or 36 equal monthly instalments as provided by Bank to the Principal Merchant(s) subject to merchant offer.

10) The instalments, if not settled on or before the payment due date, shall be subject to the standard tiered interest rate of 15% - 18% per annum, calculated on daily rests imposed on all outstanding balances from stipulated Due date.

11) For payment of the item(s) by instalments, upon acceptance of the ZIIP, the Cardmember hereby agrees with the Bank as follows :

11.1 The Bank is authorised by the Cardmember to make payment to the Principal Merchant(s) immediately on acceptance of the ZIIP;

11.2 Each instalment payment shall be charged monthly by the Bank to the Card Account; and

11.3 In the event that the Cardmember's available Credit Line is exceeded when the instalment payable is charged to the Card Account as aforesaid, the Cardmember shall take all necessary actions to regularise the Card Account before next monthly instalment is due. Failing which, all outstanding instalments or balance of monies owing under the arrangement herein shall immediately become due and payable by the Cardmember and shall be charged to the Card Account without further reference to the Cardmember.

12) In the event of a default of payment of any monies due under the Credit Card Account or breach of any provisions of the Cardmember Agreement and/or any of the terms and conditions herein by the Cardmember and/or cancellation of the Credit Card Account and/or termination of the Credit Card Account for any reason whatsoever, the Cardmember agrees as follows :

12.1 All outstanding instalments or balance of monies owing under the arrangement herein shall immediately become due and payable by the Cardmember and shall at the absolute discretion of the Bank be charged to the Credit Card Account where upon the terms and conditions in the Cardmember Agreement shall apply to all the said instalments or balance; and

12.2 The Bank reserves the right to terminate the monthly instalment arrangement.

13) For delivery, the Cardmember MUST stipulate full details of address and authorised person to confirm receipt of goods and shall be deemed as CONFIRMATION OF ACCEPTANCE. There is strictly no trial period available/extended for the item(s) purchased. The item(s) will not be delivered to addresses bearing a Post Office Box number and/or overseas address.

14) The Bank shall not take delivery of the item(s) returned by the Cardmember for any reason whatsoever. The Bank shall further not be responsible for any item(s) that is lost, stolen or damaged.

15) The Cardmember is advised to check with the Principal Merchant's on the conditions of the warranty and the warranty period. A Warranty Card is provided with the item(s). The Bank makes no representation or warranty in respect of the item(s) in particular, its merchantability, quality, suitability for use and all ancillary services. For services and repairs, the Cardmember shall contact the Principal Merchant(s).

16) For returned parcel, Cardmember will be held liable for the delivery charges should he/she requests to courier and resend the parcel, and thus, the Cardmember undertakes to authorise the Bank to debit the Card Account for the cost of delivery. The Cardmember understands fully that this will be on a best-effort basis and the Cardmembers must accept the item(s) in whatever conditions and absolve the Bank from all responsibilities should the item(s) be damaged in the delivery processes. No replacement item(s) will be allowed under any circumstances or for any reason whatsoever.

17) Delivery will be arranged within 3-4 working weeks from the receipt of the ZIIP by the Principal Merchant(s) subject to the availability of stocks.

18) The terms and conditions herein are in addition to the terms and conditions in the Cardmember Agreement applicable to the Card Account and in the event of inconsistency between these terms and conditions and the said Agreement, these terms and conditions shall prevail in so far as they apply to the ZIIP and the purchase of the item(s) by the Cardmember.

19) The Bank reserves the exclusive rights to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions without prior notice to the Cardmember and the Cardmember agrees to be bound by such amendments.

20) Item(s) offered herein are subject to change and/or upgrading of product specifications and price without prior notice.

21) If there is a discrepancy between the Bahasa Malaysia and English version of the terms and conditions, the English version shall prevail.

**TRANSLATION**

PELAN ANSURAN SIFAR FAEDAH

1) Program ini sah bagi kad Kredit PB yang dikeluarkan oleh Public Bank.

2) Ahli Kad hendaklah terikat dengan Terma dan Syarat Public Bank yang mengawal penggunaan dan pengendalian Akaun Kad Kredit selain terma dan syarat di dalam ini.

3) Saudagar yang dilantik oleh Public Bank Berhad (Bank) sebagai Saudagar Utama bertanggungjawab dalam menyediakan semua barang ZIIP yang disediakan dalam mana-mana program dan bertanggungjawab bagi jualan dan penghantaran (mana yang berkenaan) barang-barang berkaitan.

4) Bank hendaklah melaksanakan pembayaran berkala yang perlu dengan mengecajkan kepada kad kredit Ahli Kad bagi semua pembayaran mengikut promosi ini kepada Saudagar Utama. Bank menolak apa-apa liabiliti atau tanggungjawab berkaitan dengan barang-barang tersebut. Barang-barang tersebut dijual dan dibekalkan kepada Ahli Kad oleh Saudagar Utama yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua obligasi dan liabiliti berkaitan dengan bekalan, jualan, kebolehdagangan, jaminan dan semua perkhidmatan sampingan berkaitan dengan barang-barang tersebut.

5) Butir-butir dan maklumat yang diberikan oleh Ah Kad dalam ZIIP hendaklah dianggap muktamad dan tidak boleh dibatalkan.

6) ZIIP ini tertakluk kepada terdapatnya stok, Kemudahan Kredit yang mencukupi dalam Akaun Ahli Kad Utama dan penerimaan ZIIP oleh Bank dan Saudagar Utama.

7) Nilai urus niaga minimum bagi ZIIP ialah RM500.

8) Selepas penerimaan ZIIP, Bank akan mendebit Kemudahan Kredit bagi Kad Kredit yang sedia ada bagi harga belian barang-barang yang akan dicaj ke Akaun Kad Ahli Kad Utama. Butir-butir urus niaga akan dicatatkan dalam penyata akaun bulanan kad Kredit Ahli Kad.

9) Ahli Kad akan membayar semua barang ZIIP secara ansuran dalam jumlah yang sama selama 3, 6, 9, 12, 18, 24, 30 atau 36 bulan seperti yang diperuntukkan oleh Bank kepada Saudagar Utama tertakluk pada tawaran oleh saudagar berkenaan.

10) Ansuran tersebut, jika tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh pembayaran perlu dibuat, akan tertakluk pada kadar faedah bertingkat biasa sebanyak 15% - 18%

setahun, dikira atas baki harian yang dikenakan atas semua baki tertunggak dari tarikh Perlu Dibayar yang ditetapkan.

11) Bagi pembayaran barang-barang tersebut secara ansuran, apabila penerimaan ZIIP, Ahli Kad dengan ini bersetuju dengan Bank seperti berikut:

11.1 Bank diberi kuasa oleh Ahli Kad untuk membuat bayaran kepada Saudagar Utama sebaik sahaja ZIIP diterima.

11.2 Setiap bayaran ansuran hendaklah dicajkan secara bulanan oleh Bank kepada Akaun Kad; dan

11.3 Sekiranya Kemudahan Kredit sedia ada Ahli Kad telah melebihi hadnya semasa ansuran yang perlu dibayar dicajkan kepada Akaun Kad seperti yang tersebut di atas, Ahli Kad hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk mengemaskinikan Akaun Kad tersebut sebelum ansuran bulanan yang berikutnya perlu dijelaskan. Sekiranya tidak, semua ansuran yang tertunggak atau baki wang yang terhutang di bawah perjanjian ini akan serta-merta menjadi perlu dibayar oleh Ahli Kad bersetuju dan akan dicajkan kepada Akaun Kad tanpa merujuk lagi kepada Ahli Kad.

12) Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad Kredit atau pelanggaran apa-apa peruntukan dalam Perjanjian Ahli Kad dan/atau mana-mana terma dan syarat di dalam ini oleh Ahli Kad dan/atau pembatalan Akaun Kad Kredit dan/atau penamatan Akaun Kad Kredit atas apa juga sebab, Ahli Kad bersetuju seperti berikut:

12.1 Semua ansuran yang tertunggak atau baki wang yang terhutang di dalam perjanjian ini hendaklah dengan serta-merta menjadi perlu dibayar oleh Ahli Kad dan hendaklah mengikut budi bicara mutlak Bank dicajkan kepada Akaun Kad Kredit yang terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad hendaklah terpakai bagi semua ansuran atau baki tersebut; dan

12.2 Bank berhak untuk menamatkan perjanjian ansuran bulanan tersebut.

13) Untuk penghantaran, Ahli Kad MESTI menetapkan butir-butir penuh alamat dan orang yang diberi kuasa untuk mengesahkan penerimaan barang-barang dan hendaklah dianggap sebagai PENGESAHAN PENERIMAAN. Tempoh percubaan tidak diberi sama sekali bagi barang-barang yang dibeli. Barang-barang tidak akan dihantar ke alamat nombor Peti Pejabat Pos dan/atau alamat luar negara.

14) Bank tidak akan menerima barang-barang yang dipulangkan oleh Ahli Kad atas apa jua sebab. Bank seterusnya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa barang yang hilang, dicuri atau rosak.

15) Ahli Kad dinasihatkan supaya menyemak dengan Saudagar Utama mengenai syarat-syarat waranti dan tempoh waranti. Satu Kad Waranti akan diberi

bersama-sama dengan barang-barang tersebut. Bank tidak membuat representasi atau waranti berkenaan dengan barang-barang tersebut terutamanya dari segi kebolehdagangannya, kualiti, kesesuaian untuk kegunaan dan semua perkhidmatan tambahan. Untuk perkhidmatan dan pembaikan, Ahli Kad hendaklah menghubungi Saudagar Utama.

16) Bagi bungkusan barang yang dipulang semula, Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan atas caj penghantaran sekiranya beliau meminta untuk menghantar melalui kurier dan menghantar balik bungkusan barang tersebut, dengan itu, Ahli Kad mengaku janji untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Kad tersebut bagi kos penghantaran. Ahli Kad memahami sepenuhnya bahawa langkah ini adalah berasaskan usaha terbaik dan Ahli Kad mesti menerima barang-barang tersebut walau apa jugapun keadaannya dan melepaskan Bank daripada semua tanggungjawab sekiranya barang-barang tersebut rosak semasa proses penghantaran. Tiada penggantian barang akan dibenarkan di bawah apa juga keadaan atau atas apa juga sebab sekalipun.

17) Khidmat penghantaran akan diurus dalam tempoh antara 4-8 minggu bekerja daripada penerimaan ZIIP oleh Saudagar Utama tertakluk kepada terdapatnya stok.

18) Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan kepada terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad dan sekiranya terdapat ketaknalaran antara terma dan syarat ini dan Perjanjian tersebut, terma dan syarat ini hendaklah diterima pakai setakat ia terpakai bagi ZIIP dan pembelian barang-barang oleh Ahli Kad.

19) Bank mempunyai hak eksklusif untuk mengubah, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat ini tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan pindaan sedemikian.

20) Barang-barang yang ditawarkan di dalam ini adalah tertakluk kepada perubahan dan/atau peningkatan dalam spesifikasi produk dan harga tanpa notis terlebih dahulu.

21) Sekiranya terdapat percanggahan dalam terma dan syarat bagi versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris hendaklah diterima pakai.